

UCAPAN MENTERI PERTAHANAN DIUPA-
CARA PERBARISAN TENTERA DAN POLIS DI
STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR PADA
31HB JULAI, 1961

Sebagaimana tuan-tuan sedia maklum temasya perbarisan yang diadakan malam ini ialah kerana menyambut Bulan Bahasa Kebangsaan. Tetapi sambutan dari pihak tentera dan polis kita ini bukanlah sekadar untuk bersukaria atau memberi kehormatan dengan mengadakan barisan. Perbarisan ini mengandungi satu keistimewaan yang mempunyai hubungan dengan penggunaan bahasa kebangsaan kita. Keistimewaan itulah yang sebenar-benarnya hendak ditunjukkan dalam perbarisan ini; dan keistimewaan itulah yang menjadikan perbarisan ini sebagai satu acara menyambut Bulan Bahasa Kebangsaan.

Dalam perbarisan ini, bagi pertama kalinya dalam sejarah tentera kita, bahasa kebangsaan digunakan sebagai kata-kata perintah. Saya sungguh-sungguh merasa megah bahawa dengan cara begini kita dapat membuktikan bahawa bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan kita memang dapat dan layak digunakan dalam segala lapangan. Keazaman dan kesungguhan pihak pegawai-pegawai tentera dan polis kita serta ketekunan bekerja menggubal dan menyusun kata-kata perintah perbarisan dalam Bahasa Melayu itu sangatlah terpuji dan dihargai.

Tetapi bukanlah itu sahaja yang menjadikan saya berasa megah. Saya megah dan bangga kerana dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai kata-kata perintah perbarisan itu maka bererti-lah kita maju selangkah lagi memberi jiwa kebangsaan kepada pertumbuhan alat-alat negara kita. Tuan-tuan tentulah bersetuju dengan saya bahawa sebagai sebuah negara dan bangsa yang merdeka maka kita mestilah membentuk pertumbuhan dan kemajuan kita dalam segala lapangan dengan bentuk yang berjiwa dan bersemangat kebangsaan kita sendiri.

Pada malam yang bersejarah ini saya suka menyatakan keinginan dan hasrat hati saya tentang penggunaan bahasa kebangsaan sebagai kata-kata perintah perbarisan itu. Saya suka kalau kata-kata perintah itu dapat ditetapkan dan diteruskan penggunaannya. Kemudian daripada itu seferusnya disusun dan digubal kata-kata

perintah dan kata-kata istilah yang lain yang dikehendaki dalam ketenteraan dan polis.

Di dalam sejarah raja-raja dan negeri-negeri kita di Tanah Melayu ini perkara ketenteraan, perkara kawalan negeri, bahkan perkara peperangan sekali pun, bukanlah hal yang asing. Raja-raja dan negeri-negeri Melayu pernah mempunyai angkatan perang. Kita pernah mempunyai panglima perang, mempunyai laksamana, hulubalang, perajurit dan sebagainya. Kita juga pernah mempunyai bedil, meriam, lela rentaka dan alat senjata yang lain-lain. Pendeknya sepatah kata orang sekarang kita sudah mempunyai "tradisi" atau pusaka ketenteraan berkurun-kurun lamanya. Maka tentulah kita ada mempunyai berbagai-bagai jenis perkataan perintah, perkataan-perkataan untuk pertadbiran, dan nama-nama alat senjata ketenteraan. Saya rasa tidak ada sebab mengapa angkatan tentera dan polis kita dalam zaman moden ini tidak dapat kita susun dengan menggunakan bahasa kita sendiri.

Dalam pada itu tentulah banyak perkataan-perkataan dan istilah-istilah serta nama-nama benda, alat perkakas, senjata, dan sebagainya yang belum ada dalam bahasa kita kerana nama-nama dan istilah-istilah itu menunjukkan benda-benda dan perkara-perkara yang berhubung dengan perkembangan ilmu sains dan teknik moden. Tentulah sukar hendak mencari atau pun menggubal nama-nama dan istilah-istilah seperti itu dalam bahasa kita, tetapi saya yakin semuanya akan dapat diadakan asalkan ada semangat dan kemahuan yang mendorong kuat di dalam dada bagi menghasilkan maksud kita.

Saya tidak bermaksud hendak bercakap panjang-panjang di sini, hanya sekadar untuk menyatakan perasaan bangga dan sukacita atas kejayan pihak tentera dan polis menunjukkan kepada khalayak ramai di stadium ini khasnya dan di seluruh negeri amnya bahawa bahasa kebangsaan boleh dijadikan bahasa rasmi dalam urusan-urusan tentera dan polis. Itulah tujuan perbarisan malam ini dan itulah sebahagian dari tujuan gerakan Bulan Bahasa.

Dasar Kerajaan Perikatan telah diterangkan dengan sepenuhnya iaitu hendak menjadikan Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan yang tunggal di dalam semua lapangan pentadbiran dan perusahaan. Oleh itu mari kita bersungguh mara ke hadapan melaksanakan dasar ini. Kita tidak ada masa lagi hendak menoleh ke belakang "Perahu telah di air, pengayuh telah di tangan".

Terima kasih—Bahasa Jiwa Bangsa.